

# SURAT BERITA KONSTITUEN

LAPORAN PERTENGAHAN TAHUN 2022

ISU

# 19

Jan. 2022 – Jun 2022



**WONG CHEN  
AHLI PARLIMEN SUBANG**

PUSAT KHIDMAT RAKYAT PARLIMEN SUBANG



# **ISI KANDUNGAN**

Prakata daripada Wong Chen	1
Kad Laporan Setengah Tahun	5
Tugasan Parlimen	6
Tugasan Diplomatik & Antarabangsa	9
Kemaskini Kebajikan	11
Kemaskini Kemasyarakatan	14
Berita & Media	18
Kata-kata Aluan Pegawai Baru	19
Pengalaman Pelatih	20
Kenyataan Kewangan & Perbelanjaan Peruntukan	21
Perkhidmatan Kami	23

# PRAKATA DARIPADA WONG CHEN

Kepada para penduduk Subang yang saya hormati,

Melanggar tradisi sebelum ini, prakata ini akan mengetengahkan dua kerja kemasyarakatan yang kami telah lakukan sepanjang 6 bulan lepas, terutamanya projek mitigasi banjir dan menaik taraf sekolah. Selain itu, prakata ini akan memberi sedikit ulasan tentang keadaan politik dan ekonomi bulan-bulan lepas.

Enam bulan yang lepas, kami telah mengalami musim yang penuh dengan kebaikan dan keburukan. Pada penghujung tempoh enam bulan yang kecoh ini, kita sedang menghadapi kebimbangan ekonomi disebabkan kelemahan Ringgit, peningkatan inflasi makanan dan ketidakstabilan politik.

Kami mulakan tahun baru dengan mengagihkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir yang terjejas pada 18 Desember 2021 lalu di kawasan Kinrara. Menjelang minggu ketiga Januari 2022, pejabat kami berjaya mengagihkan dana kebajikan yang bernilai RM400 kepada lebih 1,000 mangsa banjir di TK1 dan TK2.

Malangnya, beberapa bulan selepas itu, pada 7 Mac 2022, TK1, TK2 dan Taman Perindustrian USJ1 dilanda banjir sekali lagi yang mengakibatkan kerosakkan yang teruk kepada para penduduk dan peniaga. Kami menyampaikan dana kebajikan sekali lagi tetapi dengan nilai yang dikurangkan kepada RM300 dan diberi kepada sekitar 1,000 penerima. Kedua-dua banjir ini telah menelan dana sebanyak RM711,000 dari bajet kami; dengan demikian, pengagihan dana kebajikan lain terpaksa dikurangkan.

Lebih penting sekali, tiga hari selepas banjir kedua, saya memulakan kempen intensif untuk melobi beberapa menteri untuk penyelesaian isu banjir di Subang. Saya juga telah mengetengahkan isu banjir ini di dalam ucapan Parlimen saya. Dalam masa tiga minggu kempen dilancarkan, saya telah dapatkan komitmen dari kerajaan untuk membina dua ban; satu di TK dan satu di USJ1. Kontrak projek-projek ini telahpun dianugerahkan kepada kontraktor dan dijangka siap pada Ogos atau September 2022. Kos projek pula yang kerajaan perlu bayar dijangka berjumlah RM1.6 juta.

Seterusnya, pembaikan semula semua 51 sekolah di Parlimen Subang dijalankan dengan lancar dan dijangka siap tidak lama lagi; untuk pengetahuan semua, pada tahun ini kami memberi sebuah geran yang bernilai RM30,000 kepada semua sekolah kebangsaan di Subang dengan jumlah kos RM1.53 juta.

Semua sekolah menerima geran yang sama nilainya dan PIBG sekolah bersama guru-guru diberikan kebebasan untuk memilih bagaimana dana itu digunakan dan juga kebebasan untuk melantik kontraktor sendiri. Pada pengakhiran bulan Jun, kebanyakkan projek-projek sekolah bawah Fasa 1 sudah lengkap. Projek-projek sekolah bawah Fasa 2 akan bermula dan dijangka siap pada akhir bulan Oktober 2022.

Selain banjir dan pembaikan sekolah, terdapat juga projek-projek komuniti kecil yang dijalankan. Projek-projek tersebut bersama dengan pekerjaan komuniti juga diperincikan dalam surat berita ini, oleh itu ambillah masa anda untuk semak imbas.

Untuk baki prakata ini, saya akan memberi ulasan tentang keadaan politik dan ekonomi negara dan dunia semasa. Pada suku pertama 2022, Malaysia bakal pulih daripada pandemik Covid-19 dan apabila kita beralih ke fasa endemik pada 1 April 2022, masa depan kita dianggap semakin cerah. Pada mulanya, keadaan memang semakin baik, namun dunia dihentak dengan kesan buruk pencerobohan Rusia ke atas Ukraine pada pertengahan April 2022. Sejak itu, implikasi penuh peperangan tersebut telah menghalang pemulihan ekonomi global.

Ingat kembali pada 24 Februari 2022, Ukraine diceroboh oleh Rusia. Sebagai seorang pasifis, saya mengambil pendirian anti-peperangan dan membangkitkan beberapa soalan di Parlimen. Saya telahpun memberi amaran di Parlimen tentang kesan buruk peperangan tersebut kerana pada masa itu Rusia adalah pengekspor minyak terbesar kepada Eropah.

Pada satu ketika, saya berhubung dengan seorang Ahli Parlimen Ukraine dan mendesak sesuatu agenda keamanan di dalam mesyuarat kumpulan kerja Kesatuan Antara Parlimen (IPU). Selain itu, saya juga mengambil bahagian dalam forum Antarabangsa Palang Merah (ICRC) di Parlimen yang diadakan untuk mempromosikan prinsip-prinsip perlindungan dari peperangan Konvensyen Geneva.

Walau bagaimanapun, disebabkan kepakaran saya adalah dalam bidang kewangan dan perdagangan antarabangsa, saya berasa bimbang kerana pencerobohan ke atas Ukraine itu telah mula memberi kesan yang negatif kepada ekonomi pada pengakhiran bulan Mac dan awal bulan April. Pada pengakhiran bulan April, keadaan semakin genting. Ukraine dan Rusia antara pengeluar gandum terbesar di dunia. Rusia membekalkan 26% baja sedunia dan Ukraine ialah pengeluar terutama minyak bunga matahari.

Beberapa bulan selepas itu, satu dunia menghadapi kenaikan kos minyak sekali dengan gangguan bekalan gandum, baja dan minyak masak disebabkan perang Rusia dan Ukraine; demikian, harga komoditi yang lain juga meningkat. Pada permulaan perang tersebut, di mana kemajuan Rusia dihentikan oleh Ukraine yang berazam, posisi perdagangan hadapan yang diambil oleh spekulator-spekulator beralih kerana kebimbangan terhadap jangka masa penuh perang ini yang berkemungkinan berlarutan untuk beberapa tahun. Pandangan mereka bersama dengan gangguan bekalan menyebabkan kelonjatan kadar inflasi dalam bulan Mei 2022. Di beberapa negara barat, kadar inflasi meningkat lebih daripada 7% iaitu terpaling tinggi sejak pengakhiran 1970an.

Oleh sebab hal-hal demikian, Rizab Persekutuan Amerika Syarikat memilih untuk meningkatkan kadar faedah bank untuk meredakan kadar inflasi. Oleh itu, modal beralih kembali ke Amerika Syarikat dan kesannya, nilai mata wang sedunia menurun. Ringgit juga tidak terkecuali dari penurunan nilai itu, tetapi berbanding negara tetangga kita seperti Singapura dan Indonesia, prestasi kita lebih teruk. Permintaan rendah untuk Ringgit ini semakin merosot apabila China, negara dagangan terbesar Malaysia, menghadapi perintah kawalan pergerakan ketat pada bulan Mei kerana kes Covid-19 yang semakin meningkat.

Walaupun kebanyakkan faktor antarabangsa di atas adalah luar dari kawalan kami, kerajaan semasa kerana beberapa silap langkah yang berturut-turut, tidak dapat memperbaiki keadaan.

Ramai golongan kayangan, bersama dengan GLC dan GLIC masih menyimpan, menggerakkan, dan menimbun dolar di luar negara. Isu demikian seperti sesuatu tindakan yang menunjukkan kehilangan kepercayaan kepada kepemimpinan negara terutamanya Perdana Menteri yang dianggap lemah dan disokong oleh menteri-menteri yang kurang kompeten. Tambah pula, pergaduhan intraparti di dalam kerajaan dan kurang keyakinan terhadap suasana politik Malaysia juga telah mengoncang pelabur domestik.

Kegagalan pihak berkuasa, terutamanya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang tidak mengendalikan kes Azam Baki, Serba Dinamik dan CTOS dengan baik menghalau keluar pelabur portfolio asing; justeru, nilai Ringgit menurun lagi.

Sementara nilai Ringgit rendah, kerajaan mampu mengawal kadar inflasi dengan menambah subsidi. Namun, jelaslah bahawa kerajaan sekarang bergelut menampung bil subsidi kerana kosnya yang dijangka berjumlah dekat dengan RM80 bilion. Di samping itu, kita masih tidak diberitahu dengan jelas bagaimana kerajaan dapat menampung kos tersebut. Jika kerajaan tidak dapat mengekalkan subsidi dalam tempoh 3 bulan depan ini, inflasi akan melonjak di Malaysia juga.

Pada ketika ini, kita menyaksikan import makanan meningkat ke sekitar RM70 bilion pada tahun ini dan juga penurunan nilai Ringgit yang menyebabkan inflasi makanan semakin meningkat. Oleh sebab kos logistik global tinggi, bekalan rendah gandum dan minyak masak, dan harga baja yang sangat tinggi, prospek ketidakamanan makanan sangat membimbangkan. Perasaan bimbang ini jelas digambarkan dengan dasar kerajaan yang tidak konsisten terhadap bekalan ayam. Dasar bekalan ayam tersebut sudahpun berpusing balik dua kali dalam tempoh sebulan. Kebimbangan utamanya, Perdana Menteri bersama kabinet akhirnya terdedah sebagai kerajaan yang ragu-ragu, tidak kompeten, dan kurang berfahaman tentang bekalan ayam iaitu isu yang agak kecil; bagaimana pula, isu-isu rencam seperti nilai mata wang dan inflasi, bolehkah kerajaan selesai isu yang lebih besar itu?


Sesungguhnya pendekatan semasa kerajaan tepat dikatakan sesuatu dasar yang membabi buta dan bukan didorong oleh data tetapi sentimen populis. Jika kerajaan tidak dapat menolong, kita perlu meningkatkan kapasiti peribadi kepada keluarga dan komuniti. Pada bahagian saya pula, saya akan teruskan memberi input dan nasihat apabila menghadiri mesyuarat Majlis Pemulihan Negara dengan baik. Sebagai Ahli Parlimen pembangkang, saya akan berganda usaha untuk memastikan kerajaan jujur dan kompeten melalui kerja saya dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi Parlimen.

Akhir sekali, saya mendesak seluruh rakyat untuk kekal berjaga-jaga mengenai pandemik wabak Covid-19. Varian baru iaitu BA4 dan BA5 dijangka melanda negara pada hujung Julai dan dua varian tersebut adalah lebih berjangkit berbanding dengan varian Omicron. Saya mengesyorkan anda untuk terus memakai pelitup muka di mana yang diperlukan dan untuk kerap membuat ujian kendiri sebelum menghadiri perhimpunan tertutup.

Semoga baki enam bulan kalian lebih baik dan produktif.

**Wong Chen**

# KAD LAPORAN PERTENGahan TAHUN



## KEMUNCULAN MEDIA & ATAS TALIAN



16 episod dimuat naik secara keseluruhan

### Penglibatan Media:



3 seminar



142 artikel



7 temu ramah TV / Radio

## MAJLIS / ACARA



- 29 acara di Kinrara
- 42 acara di Subang Jaya
- 22 Penglibatan Diplomatik dan Antarabangsa
- 4 Town Halls dianjurkan

## PEJABAT P104 SUBANG



- 7 pelatih
- 331 fail komuniti dibuka

## PROGRAM-PROGRAM KEBAJIKAN

### Bantuan Kebajikan Banjir P104 Subang



**Fasa 1:** RM400 kepada 1034 isi rumah - RM413,600

**Fasa 2:** RM300 kepada 992 isi rumah - RM297,600

### Program Kebajikan Contactless P104



IJM membayai baucar KK Mart bernilai RM200 kepada 263 penerima.

### Program Kesejahteraan Peniaga Subang (PKPS)

100 penerima sasaran - RM3,000 setiap penerima

# TUGASAN LEGISLATIF: PARLIMEN

## Tugasan Parlimen

Wong Chen mulakan Penggal Kelima Parlimen dengan **rekod kehadiran sempurna**. Mesyuarat pertama diadakan dari 28 Februari 2022 hingga 24 Mac 2022. Dalam Titah Diraja beliau, beliau mengetengahkan **isu gaji, penghijrahan cendekiawan (brain drain) dan perkara tadbir urus**.

Namun, selepas banjir teruk melanda kedua-dua Subang Jaya dan Kinrara pada akhir 2021 dan sekali lagi pada Mac 2022, beliau menekankan **infrastruktur mitigasi banjir dan penyelesaian untuk kawasan parlimen beliau**.

Wong Chen segera menghubungi **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor** dan **jurutera sukarelawan swasta** untuk menentukan punca banjir dan kemungkinan penyelesaian untuk kawasan **Taman Kinrara dan Taman Perindustrian USJ 1**.



Laporan JPS yang terhasil telah digunakan oleh Wong Chen dalam pertemuannya dengan **Menteri Alam Sekitar dan Air** untuk mendapatkan peruntukan bagi **pembinaan ban untuk menghentikan limpahan air dari Sungai Kuyoh dan Sungai Klang**. Cadangan ini telah berjaya diluluskan dalam beberapa hari dan kerja telah pun bermula di kawasan yang terjejas pada masa penulisan.

Serentak dengan itu, beliau telah bertemu dengan Menteri **Wilayah Persekutuan**, ADUN Selangor yang berkaitan dan Ahli Parlimen untuk membincangkan strategi **jangka panjang dalam menangani banjir**.

Beliau juga telah berbahas di persidangan Dewan Rakyat mengenai keperluan **ketelusan dan pelaporan** dalam pemberian Bantuan Wang Ihsan Kerajaan Persekutuan, kerana pejabat P104 telah menerima banyak aduan daripada penerima-penerima yang belum lagi menerima bantuan tersebut.



## Majlis Pemulihan Negara




Wong Chen dilantik untuk mewakili KEADILAN dalam **Majlis Pemulihan Negara (MPN) yang dwipartisan**. Majlis ini ditubuhkan sebagai badan penasihat yang bertanggungjawab dalam **usaha pemulihan ekonomi dan sosial negara** daripada wabak COVID-19. Fungsi utamanya adalah untuk mencadangkan input dan cadangan dasar yang membina kepada pendekatan Kerajaan dalam mitigasi pandemik dan pemulihan ekonomi. Pada masa penulisan, MPN telah bermesyuarat sebanyak enam kali pada 2022 dan memantau dengan teliti perkara-perkara seperti jaminan makanan, inflasi, dasar pekerja asing dan pasaran mata wang. Wong Chen juga merupakan ahli jawatankuasa kecil kewangan dan ekonomi dalam Majlis ini.

## Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi



Wong Chen telah dipilih sebagai Timbalan Pengurus jawatankuasa pilihan yang berkuasa ini. Jawatankuasa pilihan khas ini, yang terdiri daripada sembilan Ahli Parlimen, bekerjasama rapat dengan Bank Negara dan pakar ekonomi kanan untuk mempertimbangkan semua perkara penting di bawah bidang kuasa **Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri (Unit Perancang Ekonomi)**, dan **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)**. Mesyuarat jawatankuasa baru-baru ini memberi tumpuan kepada implikasi ekonomi daripada kenaikan harga minyak global akibat daripada Pencerobohan Ukraine dan daya saing industri-industri Malaysia.

## Kumpulan Kerja Sains dan Teknologi IPU



Wong Chen diminta oleh Parlimen Malaysia untuk memohon kerusi dalam Kumpulan Kerja Sains dan Teknologi Kesatuan Antara Parlimen (IPU) yang pertama. IPU seterusnya melantik Wong Chen - daripada banyak pemohon antarabangsa - sebagai satu daripada empat penggubal undang-undang serantau untuk mewakili Wilayah Asia Pasifik. IPU merupakan organisasi global untuk parlimen nasional yang terbesar dalam mempromosikan keamanan, demokrasi dan pembangunan lestari. Kumpulan Kerja Sains dan Teknologi IPU ialah sekumpulan penggubal undang-undang global seramai 20 orang yang ditubuhkan oleh Badan Pentadbiran IPU untuk berfungsi sebagai pusat tumpuan parlimen global dalam isu-isu berkaitan dengan sains dan teknologi serta impaknya terhadap manusia.

Peranan Kumpulan ini adalah untuk memberi inspirasi kepada tindakan parlimen global melalui kerja legislatif dalam bidang sains dan teknologi secara beretika, memerangi ketidaksamaan dan diskriminasi yang menghalang akses universal kepada sains dan teknologi. Baru-baru ini, bidang tumpuan yang penting bagi kumpulan beliau ialah masalah kekurangan air dan caranya untuk mempromosikan keamanan di kawasan konflik.

# KERJA DIPLOMATIK & ANTARABANGSA

## Komuniti Asia Tenggara (SEAC)



Wong Chen ialah pengasas bersama Komuniti Asia Tenggara (SEAC) iaitu sebuah kumpulan ahli perundungan yang disokong oleh pemimpin politik yang terkemuka daripada Kemboja, Thailand, Indonesia, dan Malaysia. SEAC juga terdapat seorang pengasas penasihat daripada Macedonia Utara. Pada 2022, SEAC telah melobi dengan tegas dan mengeluarkan kenyataan sokongan terhadap Indonesia dalam perundingan bersama Junta Myanmar agar krisis Myanmar tidak bertambah buruk. SEAC juga mengutuk dengan tegas pencerobohan Ukraine oleh Rusia pada Mac 2022 dan menyeru semua pihak untuk berteman, menghentikan permusuhan, penarikan tentera dan meningkatkan usaha perundingan.

## Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA)

Wong Chen telah mewakili Parlimen Malaysia pada Mesyuarat Kaukus Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) Ke-13 pada Jun 2022. Mesyuarat ini yang dijalankan secara maya oleh Parlimen Thailand, bertajuk kerjasama ASEAN dalam ekonomi digital. Wong Chen menyampaikan ucapan mengenai kedudukan Malaysia berkaitan ekonomi digital dan Revolusi Perindustrian Keempat sambil menghuraikan Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan dasar N4IR.

Beliau juga menyampaikan pandangan peribadinya mengenai pengawalseliaan e-ekonomi. Memandangkan keadaan semasa di mana kebanyakannya hak harta intelek dan pembangunan ekonomi digital secara global terletak di tangan swasta, beliau menggesa wakil rakyat dari pelbagai Parlimen ASEAN untuk menuntut ketelusan dan akauntabiliti bagi semua spektrum telekomunikasi, konsesi, kontrak serta dalam undang-undang berhubung semua usaha sektor swasta dalam e-ekonomi dan Revolusi Perindustrian Keempat.



# TUGASAN DIPLOMATIK

Dalam setengah tahun ini, Wong Chen telah bertemu dengan duta-duta dan pembesar asing dari negara-negara berikut:



**Australia:**  
Senator YB. Penny Wong  
T.Y.T. Justin Lee



**Singapura:**  
T.Y.T. Loy Hui Chien  
T.Y.T. Venu Gopala Menon



**Bangladesh:**  
T.Y.T. Mr. Md Golam Sarwar



**Taipei:**  
T.Y.T. Anne Hung



**Brazil:**  
H.E. Ary Norton de Murat Quintella



**United Kingdom:**  
T.Y.T. Ken O'Flaherty



**Kesatuan Eporah:**  
T.Y.T. Michalis Rokas  
En. Timo Goosmans



**Amerika Syarikat:**  
Cik Bryn West  
T.Y.T. Brian McFeeters



**Norway:**  
T.Y.T. Morton Paulsen

# KEMASKINI KEBAJIKAN

Pejabat P104 amat sibuk pada enam bulan pertama 2022. Matlamat pejabat P104 adalah untuk berkhidmat kepada masyarakat, dan kami berharap kami boleh mencapai matlamat kami berterusan daripada projek kami. Projek kami termasuk program Bantuan Bencana Banjir Parlimen Subang, Projek Mesra Rakyat: Edisi Sekolah dan Program Kesejahteraan Peniaga Subang. Setiap satu projek ini dikategorikan sebagai Kebajikan dan Kemaskini Komuniti.

## Bantuan Bencana Banjir Parlimen Subang – Fasa 1

Subang Jaya dan Kinrara dilanda bencana banjir pada 18 Disember 2021. Sepertimana yang dijelaskan dalam surat berita terdahulu, sepanjang bulan Disember 2021, pejabat kami telah mengumpul data untuk merekodkan jumlah rumah tangga di Taman Kinrara Seksyen 1 & 2 yang dijejaskan akibat banjir. Jadi, pada bulan Januari 2022, pejabat kita memulakan pengedaran Bantuan Bencana Banjir Subang fasa 1.

### FASA 1

Bantuan kewangan RM400 kepada 1,010 isi rumah

#### Pemindahan Dana Elektronik



RM400 kepada 563 penerima isi rumah

#### Pengagihan Cek



RM400 kepada 469 penerima isi rumah




## Bantuan Bencana Banjir Parlimen Subang- Fasa 2

Malangnya, pada 7 Mac 2022 kawasan Subang sekali ditimpa nasib buruk apabila dilanda banjir kilat.



Pejabat kami, dibahagikan kepada dua kumpulan, telah menuju ke kawasan perumahan Taman Kinrara Seksyen 1 dan 2 untuk menganggar kerosakan kawasan yang terjejas akibat banjir: kumpulan pertama telah memeriksa tebing sungai dan kumpulan kedua pula memeriksa keadaan rumah yang juga terjejas.

Menurut laporan peninjauan pejabat kami, banjir yang melanda kawasan Taman Kinrara Seksyen 1 dan 2 telah menjelaskan lebih kurang 1002 buah rumah. Kebanyakan rumah yang terjejas terdiri daripada kawasan perumahan Taman Kinrara Seksyen 1 seperti mana yang dicorek merah dalam gambar di bawah.



Fasa 2 bantuan bencana banjir terdiri daripada RM300 yang disalurkan kepada 996 penerima isi rumah - keseluruhan jumlah bantuan dalam fasa 1 adalah RM298,800.


Jadi, keseluruhan bantuan bencana banjir dalam Fasa 1 dan 2 adalah **RM711,200**, disalurkan kepada **2,026** buah rumah meliputi kawasan perumahan Taman Kinrara Seksyen 1 & 2.

## Program Kebajikan Tanpa Kontak Parlimen Subang

Sebahagian daripada inisiatif yang dijalankan untuk program baucar tunai *contactless* oleh pejabat kami sejak pandemik pada 2020 – kami telah berjaya mengagihkan satu lagi pusingan pengedaran baucar KK Mart bernilai **RM200** kepada **263** penerima di kawasan Parlimen Subang. Jutaan terima kasih kepada pihak IJM Corporation ke atas tajaan baucar-baucar tersebut.

Walaupun, pejabat kami mengutamakan pengedaran baucar kepada golongan B40 di kawasan Parlimen Subang yang bertempat di flat kos rendah namun golongan yang bermanfaat daripada program pengedaran baucar adalah penduduk Taman Kinrara yang terjejas oleh banjir yang melanda mereka dua kali sepanjang tempoh tiga bulan.

IJM Sponsored KK Mart Vouchers 2022



## Program Kesejahteraan Peniaga Subang (PKPS)

Projek Kesejahteraan Peniaga Subang adalah sebuah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM300,000 untuk menolong komuniti B40 yang ingin memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan sedia ada melalui pemerolehan peralatan untuk meningkatkan pendapatan mereka. Fokus diberikan kepada penduduk yang tidak mampu memperoleh peralatan yang diperlukan sendiri. Pada masa ini, pejabat kami masih mengumpulkan data tentang jenis-jenis peralatan yang diperlukan oleh masyarakat ini.



Pendaftaran dalam sistem eKasih adalah satu syarat kelayakan program ini. Oleh itu, pejabat kami sedang menguruskan pendaftaran penduduk-penduduk dalam sistem tersebut. Pejabat kami akan bermula pemerolehan peralatan setelah menerima peruntukan berjumlah RM300,000 pada bulan Julai 2022.

# KEMASKINI KOMUNITI

## Projek Mesra Rakyat

Projek Mesra Rakyat (PMR) adalah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk menaiktaraf dan menambahbaik infrastruktur kerajaan dalam kawasan Parlimen. Kerajaan telah memberikan peruntukan berjumlah RM2,000,000 untuk tahun 2022. Peruntukan ini dibahagikan kepada dua fasa, **Mac 2022 – Jun 2022** dan **Julai 2022 – September 2022**.

### Fasa 1

Untuk fasa pertama, pejabat kami telah menggunakan peruntukan tersebut untuk 31 sekolah kerajaan, dua kelas KAFA Integrasi dan satu Sekolah Rendah Agama, dan satu surau dalam kawasan Subang untuk menambah baik infrastruktur mereka. Setakat Julai 2022, pemecahan peruntukan adalah seperti:

- **RM30,000** kepada setiap 30 sekolah kerajaan
- **RM25,000** kepada satu sekolah kerajaan
- **RM20,000** kepada setiap dua kelas KAFA Integrasi
- **RM15,000** kepada satu Sekolah Rendah Agama
- **RM10,000** kepada satu surau

Kami telah berjaya menerima sebanyak **RM990,000** permohonan untuk peruntukan PMR yang kemudian diluluskan dan dibahagikan kepada pemohon. 99% progress telah dilengkappkan untuk PMR Fasa 1. Baki peruntukan RM10,000 akan dibawa ke Fasa 2 di Julai 2022.



## Projek Mesra Rakyat

31 sekolah dalam kawasan parlimen Subang diberikan peruntukan sebanyak RM30,000 untuk menaiktaraf kemudahan sedia ada di sekolah mereka. Setakat Jun 2022, pejabat kami berbesar hati untuk melaporkan bahawa kesemua 31 sekolah telah menerima peruntukan RM30,000 PMR.

### SUBANG JAYA

- SK SS 19 Subang Jaya
- SK Subang Jaya
- SK Sri Subang Jaya
- SK Seri Selangor
- SK Seafield 3
- SK USJ 20
- SK USJ 12
- SJK (C) Lick Hung
- SJK (C) Chee Wen
- SJK (T) Tun Sambanthan
- SK Bandar Sunway
- SMK Subang Jaya
- SMK Subang Utama
- SMK USJ 4
- SMK USJ 13
- SMK USJ 8

### KINRARA

- SK Puchong Indah
- SK Pusat Bandar Puchong (1)
- SK Seksyen 2 Bandar Kinrara
- SK Puchong Jaya 2
- SJK (C) Yak Chee
- SJK (C) Shin Cheng (Harcroft)
- SJK (T) Castlefield
- SMK Puchong
- SMK Seksyen 1 Bandar Kinrara
- SMK Seksyen 3 Bandar Kinrara
- SMK Seksyen 4 Bandar Kinrara
- SMK Bandar Puchong Jaya (A)
- SMK Bandar Puchong



## Sesi Town Hall bersama YB Wong Chen

Setelah peralihan ke fasa endemik bermula pada April 2022, pejabat kami telah memulakan siri town hall bersama YB Wong Chen dengan penduduk Subang Jaya dan Kinrara untuk mengumpul maklum balas dan menyampaikan maklumat tentang hal dasar negara. Di setiap town hall , kami menerima maklum balas mengenai tema yang sama, iaitu kebimbangan rakyat Subang tentang keadaan ekonomi terkini.

Kami telah memulakan sesi town hall pertama di Balai Masyarakat SS19 pada 21 Mei 2022.



Sesi Townhall seterusnya dijalankan di kawasan berikut:

- [MBSJ MPP Zon 4] USJ 1
- [MBSJ MPP Zon 10] Bandar Puchong Jaya



## Sesi Town Hall bersama YB Wong Chen

Pada masa menulis, sesi-sesi *Townhall* yang seterusnya akan dijalankan mengikut ketetapan berikut:

- [MBSJ MPP Zon 10] Taman Bukit Kinrara (Pangsapuri Melur) - 2 Julai 2022 (Sabtu)
- [MBSJ MPP Zon 9] Glomac Lakeside Residence - 10 Julai 2022 (Ahad)
- [MBSJ MPP Zon 13] PUJ - 24 Julai 2022 (Ahad)

## Lepak Bersama Wong Chen

Dalam usaha merapatkan hubungan bersama penduduk Subang, kami memulakan sesi bersama rakyat di suasana yang lebih santai, "*Lepak with Wong Chen*". Program ini adalah anjuran terbuka untuk memastikan kami dapat mendengar pelbagai soalan daripada rakyat.

Program ini dirakam dua minggu sekali dan diterbitkan pada laman Facebook Wong Chen. Kami juga menggalakkan rakyat untuk menyokong restoran dan perniagaan kecil di Subang. Oleh itu, tempat pertama yang kami telah kunjungi ialah Autism Cafe Project, Da Men Mall, USJ 1, sebuah restoran lokal yang dimulakan oleh seorang ayah yang mempunyai anak yang autistik. Beliau komited untuk membina suasana selamat untuk komuniti orang kurang upaya dengan tujuan untuk membantu dan melatih mereka berdikari.



## Projek Kecil

Tahun ini untuk Projek Kecil, pejabat P104 menumpukan perhatian untuk menyokong satu flat kos rendah dalam kawasan parlimen Subang dari segi kewangan.

**Pangsapuri Panglima (Kos Rendah Kinrara)** telah menubuhkan Persatuan Penduduk yang baharu dan telah meminta sebuah pejabat untuk menguruskan aktiviti komuniti mereka. Pejabat kami meluluskan kabin kontena baharu. Kerja-kerja memesan dan pemasangan akan dijalankan.



# BERITA & MEDIA

## Januari

- ❑ 05/01/2022 – FMT – [Allocate RM400m in annual budget to tackle climate change, govt told](#)
- ❑ 23/01/2022 – FMT – [2-year ban on Zii Jia is vindictive, says Wong Chen](#)
- ❑ 24/01/2022 – Sin Chew Daily – [批准云顶香港无担保贷款 黄基金：3银行应解释](#)
- ❑ 26/01/2022 – FMT – [PRN Johor: PKR guna logo sendiri bukan luar biasa, kata Wong Chen](#)

## Februari

- ❑ 16/02/2022 – Malay Mail – [Report: Securities Commission to explain Azam Baki's stock trading case to parliamentary panel tomorrow](#)
- ❑ 16/02/2022 – Utusan Malaysia – [Saham Azam Baki: Pertemuan PSC dan SC esok ditangguh](#)
- ❑ 17/02/2022 – FMT – [PKR leaders mixed over Rafizi's possible return to active politics](#)
- ❑ 24/02/2022 – Sin Chew Daily – [IMDB人物未被调查已不关注 黄基金：大马人怎么了？](#)

## Mac

- ❑ 01/03/2022 – FMT – [Reverse brain drain with better salaries, MP tells govt](#)
- ❑ 02/03/2022 – FMT – [MP slams Mas Ermieyati for 'senseless excuse' on IMDB probe](#)
- ❑ 08/03/2022 – FMT – [Lack of will by Dr M stymied reforms, says PKR man](#)
- ❑ 09/03/2022 – Malay Mail – [In Parliament, Opposition MPs bombard govt during special debate on this week's flash floods in KL](#)
- ❑ 25/03/2022 – FMT – [Adakah SC akan siasat Genting, soal Wong Chen selepas Leissner beri keterangan IMDB](#)
- ❑ Feature – 31/03/2022 – Sinar Harian – [Alasan batal bina klinik tidak boleh diterima: MP Subang](#)

## April

- ❑ 01/04/2022 – China Press – [在朝国会议员出席率低于平均 –](#)
- ❑ 09/04/2022 – FMT – [Proposed constitutional amendment is too wide, says MP](#)
- ❑ 21/04/2022 – Sinar Harian – [Menteri Dalam Negeri perlu beri penjelasan isu dasar pelarian'](#)
- ❑ 22/04/2022 – FMT – [Is politics at play in award of digital banking licences?](#)

## Mei

- ❑ 09/05/2022 – FMT – ['Weak' govt provides opportunity to pass anti-hopping law, says PKR man](#)
- ❑ 24/05/2022 – Malay Mail – [Myopic to hyperfocus on youth votes despite Undi18, says PKR's Wong Chen](#)
- ❑ 28/05/2022 – Malay Mail – [Predicting wave of defections after GE15, Wong Chen says anti-party hopping law vital to restore Malaysia's democracy](#)
- ❑ 30/05/2022 – Malay Mail – [Wong Chen says he will seek another term as Subang MP because there's still more to be done](#)

## Jun

- ❑ Feature – 01/06/2022 – Malay Mail – [Wong Chen sees a stronger, more diverse PKR post-GE15](#)
- ❑ Feature – 09/06/2022 – FMT – [Improve governance quickly or risk outflow of funds, MP tells SC](#)
- ❑ Feature – 15/06/2022 – Kwong Wah Daily – [嘉玛建议财长下届大选当雪大臣 希盟议员：只让扎夫鲁不受欢迎](#)
- ❑ Feature – 16/06/2022 – FMT – [Pegangan RAM Holdings: Masih sempat campur tangan, Ahli Parlimen beritahu kementerian](#)

# KATA-KATA ALUAN PEGAWAI BAHARU

**Dhaartshini Senguttuvan**



Sebagai pegawai terbaru dalam pejabat P104, saya telah memperoleh pengalaman yang luas. Sememangnya daripada permulaan tahun ini, saya telah bekerja dengan rakan pegawai lain dalam memulakan pelbagai program kebajikan, mengetahui lebih tentang infrastruktur mitigasi banjir, berbincang dengan pakar mengenai isu-isu dasar serta pengalaman-pengalaman lain-lain. Saya juga turut menerima aduan-aduan daripada penduduk Subang yang ditimpa pelbagai masalah. Saya telah mendapat pengetahuan baharu secara mendadak sepanjang tempoh saya sebagai pegawai pejabat P104 selama enam bulan.

Dalam tempoh perkhidmatan saya yang akan datang, saya berharap untuk terus meningkatkan ilmu daripada YB Wong Chen, sukarelawan pejabat, pegawai kerajaan, pakar dan rakan-rakan pegawai saya. Saya bersyukur dengan suasana pekerjaan pejabat P104 yang terus mendorong perkembangan pendirian dan saya bersemangat untuk menerajui yang akan datang. Saya juga turut berterima kasih ke atas peluang yang diturunkan kepada saya untuk berkhidmat kepada rakyat Subang.

# PENGALAMAN PELATIH

Ethan Leng Yu Zen



Daripada pengalaman saya melawat kawasan banjir untuk program bantuan kebijakan ke lawatan ke Parlimen, masa saya di pejabat P104 adalah sangat menakjubkan. Semasa di Parlimen, saya telah menyaksikan cadangan penggubalan Rang Undang-Undang 342 yang kontroversial dari Menteri Kesihatan, untuk meluluskan Rang Undang-Undang berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 dan debat Bajet 2022. Peristiwa kemuncak pengalaman pelatih saya adalah siri syarahan tentang dasar bersama YB Wong Chen. Dengan penglibatan beliau dalam mesyuarat dan kerja-kerja parlimen setiap hari, beliau semestinya meluangkan masa untuk mengkongsikan ilmu kepada para pelatih dan menjawab soalan-soalan yang kami tanyakan sama ada mengenai isu politik, ekonomi atau hal antarabangsa.

Kepada YB Wong Chen dan para pegawai pejabat P104, terima kasih kerana memberikan saya peluang terbaik ini untuk berkhidmat kepada rakyat Subang dan menerokai latar belakang sebuah pejabat Parlimen. Ia merupakan pengalaman yang saya akan membawa sepanjang hidup saya.

# PENYATA KEWANGAN & PERBELANJAAN PERUNTUKAN

Balance Sheet as at 30th June 2022

<u>Asset</u>	<u>RM</u>
Cash and bank balance	378,459.39
Net Asset for the period	<u>378,459.39</u>
Excess funds from prior period	123,967.44
Current year surplus	<u>254,491.95</u>
Excess funds for the period	<u>378,459.39</u>

**Income Statement for Period Ending 30<sup>th</sup> June 2022**

<u>Income</u>	<u>RM</u>
Federal Allocations	1,300,000.00 N1
Donations	4,500.00 N2
Interest	<u>283.01</u>
	<u>1,304,783.01</u>
<u>Less : Expenses</u>	
Federal Allocation spendings	916,600.00 N3
Donation	1,944.00 N2
Salaries, allowances & bonuses	79,141.27
EPF, SOCSO & EIS	7,975.60
Rental of premise	12,000.00
Utilities	9,639.80 N3
General expenses	<u>22,990.39</u> N4
	<u>1,050,291.06</u>
Net surplus for the period	<u>254,491.95</u>

1 Allocations received for the following purpose:

Federal: Office Allocation	RM312,000.00
Federal: Welfare Assistance	RM832,000.00
Federal: Associations	RM136,000.00
Federal: Projek Kecil	<u>RM20,000.00</u>
	<u>RM1,300,000.00</u>

3 Federal Allocation Spending is as follow:

Federal: Welfare Assistance	36,900.00
Federal: Associations	148,500.00
Federal: Flood Relief Aid	71,200.00
Federal: Projek Kecil	<u>20,000.00</u>
	<u>916,600.00</u>

2 These donations were received from the public in January 2022 in which RM1,280 was spent on cash voucher courier services in May 2022 and RM664 spent on welfare assistance.

4 Utilities includes electricity, water, telephone & internet, etc.

5 General expenses includes office cleaning, office supplies, digital services, bank charges etc.


# PERBELANJAAN PERUNTUKAN PERSEKUTUAN

Menurut MOU yang ditandatangani pada September 2021, P104 Subang menerima peruntukan sebanyak RM1,500,000 untuk perbelanjaan komuniti dan RM300,000 untuk perbelanjaan operasi pejabat. RM1,500,000 itu diagihkan kepada tiga bahagian. Kami telah menerima dua fasa yang pertama yang berjumlah RM500,000 setiap satu. Jumlah yang diterima sehingga 30 Jun 2022 ialah RM1,000,000.

Untuk dua fasa pertama yang bernilai RM1,000,000, peruntukan ini telah diagihkan kepada kategori berikut:

1. Kebajikan Bencana Banjir Fasa 1 & 2: **RM711,200**
2. Kebajikan: **RM26,900**
3. Persatuan & Pertubuhan: **RM149,500**
4. Projek Kecil: **RM20,000**
5. Peruntukan Kecemasan Bencana Banjir pada Disember 2021: **RM12,000**

P104 Subang telah mengagihkan peruntukan komuniti sebanyak **RM919,600** yang berjumlah **91.96%** untuk dua fasa pertama. Baki sebanyak RM80,400 akan dibawa ke bulan Julai 2022.



# PERBELANJAAN DERMA

Bagi bulan Januari hingga Jun 2022, P104 menerima sejumlah RM4,500 daripada tiga penderma persendirian. RM1,280 telah dibelanjakan untuk perkhidmatan kurier pada bulan Mei untuk pengagihan baucar tunai ihsan IJM Corporation Berhad. RM664 telah disalurkan kepada dua kes kebajikan. Sebanyak RM1,944 daripada sumbangan telah dibelanjakan dari Januari-Jun 2022. Baki RM2,556 akan dibawa ke Julai 2022.

# PERKHIDMATAN KAMI

Pejabat kami berkhidmat untuk semua penduduk di kawasan Parlimen Subang yang merangkumi:

## **Subang Jaya:**

USJ 1 – 22; SS 12 – 19; PJS 7, 9, 11, Bandar Sunway;

## **Kinrara:**

Kinrara Seksyen 1 – 7; Puchong Jaya Timur; Puchong Jaya Barat; Puchong Jaya Utara; Batu 12 & 13; Batu 7 Jalan Puchong; Bandar Kinrara Seksyen 1 – 5; Pusat Bandar Puchong; Bandar Puteri; Puchong Indah 1 – 2; Puchong Perdana 1 – 2; Puchong Intan.

## **Hal Ehwal Parlimen:**

- Membangkitkan isu-isu nasional bagi pihak anda
- Mewakili P104 Subang dalam hal penggubalan dasar
- Memberi maklum balas terkini berkenaan isu nasional


## **Hal Ehwal Kemasyarakatan:**

- Menyokong permohonan kebaikan
- Membuat permohonan pengecualian yuran perubatan
- Berhubung dengan pihak kebaikan dan NGO

## **Hal Ehwal Kewarganegaraan & Imigresen:**

- Menyokong permohonan bagi kad pengenalan biru dan pengeluaran surat sokongan
- Membuat penyusulan dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen Malaysia





**Wong Chen  
Ahli Parlimen Subang  
Surat Berita Isu 19  
Januari – Jun 2022**

Penyunting: Wong Chen

Penyumbang: Ainin, Bala, Cyrene,  
Dhaartshini, Daniel, Iskandar, Wen Xu

---

**Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Subang**

Alamat: No 2-12, Jalan Cenuk 1,  
Bandar Puchong Jaya, 47100 Puchong,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Emel: [office@wongchen.com](mailto:office@wongchen.com)  
Tel: +603 8080 7918

Wong Chen Subang Surat Berita Konstituen adalah diterbitkan oleh Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Subang. Surat Berita Konstituen Wong Chen Subang adalah produk yang tidak dikawal. Maklumat yang terkandung dalam surat berita ini adalah untuk maklumat am dan bukan bertujuan untuk digunakan oleh pembaca dalam membuat atau tidak membuat keputusan peribadi, perniagaan dan/atau pelaburan khusus. Sekiranya anda ingin membuat rujukan, menghasilkan semula atau menyesuaikan apa-apa kandungan dalam apa-apa cara, sila dapatkan kebenaran bertulis daripada kami terlebih dahulu.